

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8247

SOALAN:

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bukti dakwaan wujud komplot untuk
menjatuhkan Kerajaan sehingga mengikis keyakinan pelabur
terhadap negara Malaysia.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap mana-mana pihak yang berkonspirasi untuk menjatuhkan Kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat dengan cara yang tidak demokratik dan melanggar undang-undang negara. Kerajaan juga sedar bahawa usaha tidak sah untuk menjatuhkan Kerajaan ini akan turut menjejaskan ekonomi negara.

Dalam hal ini, Kerajaan telah mengesan wujudnya aktiviti-aktiviti untuk menjatuhkan Kerajaan tanpa melalui proses demokrasi. Walau bagaimanapun, bukti-bukti kewujudan aktiviti-aktiviti tersebut tidak dapat didedahkan di atas alasan keselamatan dan pihak polis masih mengumpul maklumat terperinci berkaitan perkara ini.